

04 AUG 2001

MCA-Reaksi

PUAK BERMUSUHAN DLM MCA AKUR DENGAN KENYATAAN DR M MENGENAI PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Puak-puak yang bermusuhan dalam MCA nampaknya bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa MCA perlu bersatu dan menjadi kuat bagi membantu parti pemerintah, Barisan Nasional (BN), membentuk kerajaan pada masa depan.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kenyataan Dr Mahathir semasa merasmikan mesyuarat agung tahunan parti hari ini, menunjukkan bahawa beliau mengambil berat terhadap parti itu dan mahu ia menjadi kuat pada masa depan.

"Saya yakin nasihat beliau akan dipatuhi oleh semua dalam MCA memandangkan kami juga mahu MCA menjadi lebih kuat melalui perpaduan... tetapi dalam rangkaian, pasti ada hubungan yang paling lemah," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu di Wisma MCA di sini hari ini.

Ditanya jika MCA boleh dianggap sebagai hubungan yang paling lemah dalam rangkaian parti komponen Barisan Nasional, beliau berkata: "Tidak, ia tidak begitu tetapi kita mungkin menjadi yang paling lemah jika perpecahan dalam parti berterusan," katanya.

Perbalahan di kalangan pemimpin utama MCA menjadi lebih nyata apabila timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek, naib-naib presiden Datuk Chua Jui Meng, Datuk Chan Kong Choy dan Ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat membantah sayap pelaburan parti, Huaren Holdings Sdn Bhd, daripada mengambilalih Nanyang Press Holding.

Langkah pembelian itu diusahakan oleh Dr Ling dengan sokongan padu dua lagi naib presiden, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Dr Fong Chan Onn serta setiausaha agung parti, Datuk Seri Dr Ting Chew Peh.

Timbalan Presiden parti Datuk Lim Ah Lek pula berkata sikap matang yang ditunjukkan oleh para perwakilan MCA hari ini membuktikan mereka dapat menyelesaikan sebarang isu dalaman parti secara baik.

Beliau berkata sikap ini patut diamalkan oleh setiap anggota parti, selaras dengan saranan Perdana Menteri supaya MCA menyelesaikan sebarang isu berbangkit dengan bijak tanpa melemahkan parti demi kekuatan Barisan Nasional dan kepentingan negara.

"MCA mewakili masyarakat Cina di negara kita dan sikap seperti inilah yang memang ditunggu-tunggu oleh rakan Cina sebab kita tidak mahu masalah timbul dalam persidangan kita seperti apa yang telah berlaku semalam," katanya ketika ditemui pemberita selepas Perhimpunan Agung itu.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan kerana bekerjasama dalam memastikan persidangan itu berjalan lancar tanpa sebarang masalah. Ini berbeza dengan Persidangan Pemuda MCA ke-38 semalam yang dicemari beberapa insiden kekecohan termasuk panggilan bom palsu, membaling kerusi, pertikaman lidah dan tindakan sekumpulan perwakilan memulaukan persidangan.

Sementara itu, Chan berkata Dr Mahathir telah menghantar isyarat jelas dalam kedudukannya sebagai pengerusi BN dan baik untuk MCA.

Katanya setiap orang kini perlu bekerja keras ke arah perpaduan parti dan mewujudkan kestabilan dalam MCA dan dalam masa yang sama mengetepikan kepentingan dan perbezaan peribadi.

"Saya rasa setiap orang patut mempunyai sikap yang betul, mungkin kita boleh bergerak ke arah itu," katanya.

Anggota jawatankuasa pusat parti, Datuk Fu Ah Kiow pula berkata semula pemimpin dan anggota parti patut berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana keperihatinan beliau memberi nasihat.

"Saya masih yakin dengan kebijaksanaan kita, secara bersama-sama kita boleh menyelesaikan apa sahaja perbezaan yang wujud dalam MCA," katanya sambil menegaskan mengenai perlunya keikhlasan di kalangan pemimpin.

Fu juga berkata pemimpin tidak wajar mengamalkan pilih kasih semasa cuba menyelesaikan perbezaan serta isu-isu yang menjejaskan parti.

-- BERNAMA

ZAI AT SR KHY LAT